



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 26 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



TANGKAP: Suspek bersama barang kawalan berkenaan dibawa ke Markas Operasi PPM Tawau untuk tindakan lanjut.

Wanita cuba seludup keluar tong gas LPG ditahan

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Seorang wanita ditahan selepas disyaki cuba menyeludup keluar 12 tong gas petroleum cecair (LPG) di tempat letak kereta Jeti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Lama, di sini, pada Selasa.

Suspek berusia 39 tahun itu ditahan sepasukan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) yang sedang membuat rondaan di sekitar CIQ Lama, kira-kira jam 8 pagi.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Tawau,

Ridzauddin Selamat berkata, pihaknya mengesan sebuah kereta pelbagai guna (MPV) dalam keadaan mencurigakan di lokasi kejadian.

Katanya, anggota PPM bertindak menghampiri kenderaan suspek untuk membuat pemeriksaan ke atas muatan barang yang dibawa.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan menemukan longgokan 12 tong LPG tanpa sebarang surat kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Barang-barang kawalan berkenaan disyaki cuba dibawa ke negara jiran tanpa sebarang kebenaran," katanya dalam kenyataan media, di sini semalam.

Menurutnya, semua barang kawalan termasuk kenderaan yang dianggarkan bernilai 37,400 itu dibawa ke Markas Operasi PPM untuk tindakan lanjut.

"Suspek ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan," katanya.

Wanita ditahan, disyaki cuba seludup keluar tong gas LPG

TAWAU: Seorang wanita ditahan selepas disyaki cuba menyeludup keluar 12 tong gas petroleum cecair (LPG) di tempat letak kereta Jeti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Lama, di sini kelmarin.

Suspek berusia 39 tahun itu ditahan sepasukan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) yang sedang membuat rondaan di sekitar CIQ Lama, kira-kira jam 8 pagi.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Tawau, Ridzauddin Selamat berkata,

pihaknya mengesan sebuah kereta pelbagai guna (MPV) dalam keadaan mencurigakan di lokasi kejadian.

Katanya, anggota PPM bertindak menghampiri kenderaan suspek untuk membuat pemeriksaan ke atas muatan barang yang dibawa.

“Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan menemukan longgokan 12 tong LPG tanpa sebarang surat kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

“Barang-barang kawalan

berkenaan disyaki cuba dibawa ke negara jiran tanpa sebarang kebenaran,” katanya dalam kenyataan media, di sini semalam.

Menurutnya, semua barang kawalan termasuk kenderaan yang dianggarkan bernilai 37,400 itu dibawa ke Markas Operasi PPM untuk tindakan lanjut.

“Suspek ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

AGENSI



**ANWAR
SATAR**

KETUA Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persisihan Malaysia (MyCC) menyatakan bahawa dengan menghentikan pakatan sulit dan penipuan dalam bidaan bagi kontrak kerajaan, kerajaan dapat memimakan 15 peratus daripada perbelanjaan tahunan atau RM13.5 bilion.

MyCC juga memendahkan pindaan perundangan untuk memberi insentif kepada orang ramai melaporkan penetapan harga, ia adalah inisiatif yang baik, namun, di bawah Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, menjadi satu kesalahan untuk tidak melaporkan amalan rasuah.

Sebagai penyarah dan konsultan, saya telah mengadakan beberapa bengkel mengenai memerangi penipuan termasuk sistem perolehan kerajaan selama bertahun-tahun dan walaupun sudah membaca pelbagai jaminan bahawa sistem perolehan awam telah diperbaiki, laporan tahunan oleh Ketua Audit Negara menunjukkan perkara yang berbeza.

Setiap tahun, laporan tersebut menyoroti kes-kes buangan, perkhidmatan dan kerja diperolehi yang dibayar jauh melebihi harga pasaran, kurang digunakan serta berkualiti rendah.

Tipuan bida adalah amalan haram melibatkan pihak-pihak yang bersaing berpakatan sulit untuk memilih pemenang dalam proses bidaan. Mereka mewujudkan pakatan sulit dengan kontraktor lain dalam memanipulasi keperluan tender dan sebutharga.

Terdapat empat teknik asas yang terlibat dalam pakatan sulit dan manipulasi penetapan harga dalam perolehan awam:

Pertama, penindasan tawaran apabila kontraktor menarik balik tawaran mereka memenangi bidaan kontrak supaya kontraktor tertentu dapat menang.

Kedua, putaran tawaran iaitu teknik ini adalah pakatan dilaksanakan agar setiap kontraktor bergiliran memenangi sesuatu kontrak.

Ketiga, pembahagian pasaran dengan kontraktor berpakat memenangi bidaan berdasarkan kepada produk, pelanggan, perkhidmatan atau kawasan geografi.

Keempat, penawaran pelengkap ialah apabila



PAKATAN sulit dan penipuan dalam bidaan bagi kontrak kerajaan harus dihentikan memandangkan membawa kerugian yang besar.

Penipuan bidaan kontrak bukan rahsia lagi

kontraktor sengaja mengemukakan tawaran yang tinggi akan ditolak untuk memastikan bahawa kontraktor tertentu menang bidaan kontrak.

Seorang Pegawai Awam Kanan yang jujur pernah mengakui bahawa dalam kontrak kerajaan bila memesan motorikal, dapat basikal, ketajaan akhirnya membayar harga sebuah kereta.

Perolehan awam dikemalapati sebagai salah satu aktiviti kerajaan yang paling terdedah kepada kerdasama, rasuah, manipulasi dan penipuan. Perolehan kerajaan menyumbang sekurang-kurangnya 40 peratus daripada bajet tahunan yang diperuntukkan kerajaan untuk perbelanjaan awam, termasuk perkhidmatan, barangan, perkhidmatan serta pembelian aset.

SPRM menyatakan menerima 20 peratus aduan antara 2022 dan Julai 2024 berkaitan urusan perolehan awam dan swasta. Sasaran terhadap perolehan awam meningkat kepada 66 peratus pada Julai lalu, berbanding 50 peratus dan 60 peratus masing-masing pada 2022 dan 2023.

Kelemahan dalam sistem perolehan awam ini disalahgunakan dan menyebabkan kerugian besar dalam dana perolehan awam, yang berlaku dan berulang berdasarkan laporan Ketua Audit Negara.

Bank Dunia

menanggarkan 30 hingga 30 peratus daripada bajet negara untuk kontrak awam disalahgunakan disebabkan rasuah. Penemuan tersebut sejalan dengan uraian bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang yang menyatakan sehingga 30 peratus daripada nilai projek awam negara hilang akibat pengurusan yang tidak baik dan amalan rasuah.

Belau percaya langkah-langkah hukuman seperti denda, pemindahan dan potongan gaji tidak lagi realistik sebagai hukuman bagi mereka yang tidak memberi respons yang sesuai terhadap saranan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Jadi, tiada rasa takut akan hukuman dan tidak takut kepada Tuhan, Ambrin berkata pegawai kerajaan harus mematuhi undang-undang dan mengabaikan campur tangan politik dalam perolehan kerajaan, yang membawa risiko tinggi penipuan dan rasuah.

Ini selaras Perdana Menteri yang mengatakan kebocoran boleh dibentkan jika rasuah dibanters di semua peringkat, termasuk mengubah cara lama dalam melaksanakan sesuatu, iaitu campur tangan politik dan mengutamakan kepentingan ahli perniagaan besar dalam perolehan kerajaan.

Memandangkan tipuan bidaan adalah perkara biasa, ia boleh dicegah dengan mempunyai pegawai terlatih yang dilengkapi dengan pengetahuan

asas, pengalaman atau menggunakan Undang-Undang Berford serta alat analisis data yang canggih untuk menyemak data bagi mengenal pasti corak atau tanda amaran tipuan bida seperti tidak berhad kepada:

- Kontraktor yang layak tetapi gagal untuk masuk tender
- Kontraktor tertentu selalu menang di kawasan tertentu
- Kontraktor yang gagal menang bidaan kontrak mendapatkan kerja sub-kontraktor daripada kontraktor yang berjaya mendapat kontrak atau yang meletak harga tertinggi
- Penarikan diri kontraktor yang menawar harga rendah yang kemudian menjadi sub-kontraktor
- Harga tender kontraktor yang sangat tinggi tanpa sebarang justifikasi kos yang logik
- Penyerahan tawaran lewat yang tidak wajar
- Tawaran yang sangat serupa kecuali untuk beberapa baris utama tertentu
- Tawaran daripada kontraktor pesaing yang menggunakan nombor faks atau emel sama, dalam sampul jenis sam atau dengan tulisan tangan yang sama
- Kesilapan berulang seperti ejaan yang sama dan menggunakan jenis huruf sama.

JANGAN SAMPAI SIA-SIA

Walaupun baik jika kerajaan mengukuhkan dasar kawalan dalam menggunakan teknologi seperti sistem perolehan elektronik (ePerolehan), tetapi pada akhirnya, faktor manusia yang menentukan dan membuat keputusan akhir tentang siapa yang mendapat kontrak.

Namun, tidak ada gunanya mengimport polisi kawalan dalaman yang terbaik dan alat perisian paling mahal dari Harvard atau Oxford jika pengendalinya (manusia) tidak mempunyai integriti.

Bila pengendali mempunyai integriti dan nilai moral, sebuah perisian sederhana atau marah dari universiti tempatan sudah cukup untuk menangani rasuah di negara ini.

Masalah utama adalah isu integriti individu tertentu dan faktor bedonistik 'ganjaran' luryuan yang diberikan oleh kontraktor. Oleh itu, tingkalkan tabu integriti kepimpinan tertinggi dalam sesebuah organisasi dengan mempunyai prinsip moral yang kukuh, menunjukkan contoh yang baik dan kotakan apa yang dijanjikan.

Penitipan pula bukan sahaja bersih tetapi mesti dibayar bersih.

DATUK Seri Dr. Anwar Satar ialah Profesor dan Pengarah di Institut Jeraiah & Komunikasi, Universiti HELP selain memegang Presiden Perikatan Integriti dan Tadbir Urus Malaysia (MIG).

'Tipu bida kontrak bukan lagi rahsia'



PERSPEKTIF
AKHBAR SATAR

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pesaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Jamal menyatakan bahawa dengan menghentikan pakatan sulit dan penipuan dalam bidaan bagi kontrak, kerajaan dapat menjimatkan 15 peratus daripada perbelanjaan tahunan atau RM13.5 bilion.

MyCC juga mencadangkan pindaan perundangan untuk memberi insentif kepada orang ramai yang melaporkan penyetapan harga.

Ia adalah insentif yang baik, namun di bawah Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, adalah menjadi satu kesalahan untuk tidak melaporkan amalan rasuah.

Sebagai penyarah dan konsultan, saya telah mengadakan beberapa bengkel mengenai memerangi penipuan termasuk sistem perolehan kerajaan selama bertahun-tahun dan walaupun membaca pelbagai jaminan bahawa sistem perolehan awam telah diperbaiki, laporan tahunan oleh Ketua Audit menerangkan perkara berbeza.

Setiap tahun, laporan itu menyenoti kes-kes barangan, perkhidmatan dan kerja-kerja diperolehi yang dibayar jauh melebihi harga pasaran, kurang digunakan dan berkualiti rendah.

Tipuan bida adalah amalan haram melibatkan semua pihak yang bersaing dan membuat pakatan sulit untuk memilih pemenang dalam proses bidaan.

Mereka mewujudkan pakatan sulit dengan kontraktor lain dalam memanipulasi keperluan tender dan sebut harga.

Terdapat empat teknik asas yang terlibat dalam pakatan sulit dan manipulasi penetapan harga dalam perolehan awam iaitu pertama, perindasan tawaran yang mana kontraktor menarik balik tawaran mereka memenangi bidaan kontrak supaya kontraktor tertentu menang.

Kedua, putaran tawaran. Teknik ini adalah pakatan dilaksanakan agar setiap kontraktor bergilir-gilir memenangi sesuatu kontrak.

Ketiga, pembahagian pasaran iaitu kontraktor berpakat memenangi bidaan berdasarkan kepada produk, pelangan, perkhidmatan atau kawasan geografi.

Kemampat, perawaran pelengkap yang mendedahkan kontraktor sengaja mengemukakan tawaran tinggi yang akan ditolak untuk memastikan kontraktor tertentu menang bidaan kontrak.

Seorang pegawai awam kanan yang jujur pernah mengakui bahawa dalam kontrak kerajaan bila memesan motosikal, dapat basikal, kerajaan akhirnya membayar harga sebuah kereta.

Perolehan awam dikenali pasti se-



Di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009, adalah menjadi satu kesalahan untuk tidak melaporkan amalan rasuah. - Gambar hiasan

bagai salah satu aktiviti kerajaan yang paling terdedah kepada kerjasama, rasuah, manipulasi dan penipuan.

Perolehan kerajaan menyumbang sekurang-kurangnya 40 peratus daripada bajet tahunan yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk perbelanjaan awam, termasuk pembangunan, barangan dan perkhidmatan serta pembelian aset.

SPRM menyatakan bahawa 20 peratus aduan yang diterima antara 2022 dan Julai 2024 adalah berkaitan dengan urusan perolehan awam dan swasta.

Siasatan terhadap perolehan awam telah meningkat kepada 66 peratus pada Julai 2024, berbanding 59 peratus dan 60 peratus masing-masing pada 2023 dan 2022.

Kelemahan dalam sistem perolehan awam ini disalahgunakan dan menyebabkan kerugian besar dalam dana perolehan awam, yang berulang kali berlaku berdasarkan laporan Ketua Audit Negara (AQ).

Hukuman tidak realistik

Bank Dunia menganggarkan bahawa 20 hingga 30 peratus daripada bajet negara untuk kontrak awam disalahgunakan disebabkan rasuah.

Peneruan itu seiring utangan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Idrus yang menyatakan bahawa sehingga 30 peratus daripada nilai projek awam negara hilang akibat pengurusan yang tidak baik dan amalan rasuah.

Beliau percaya bahawa langkah-langkah seperti denda, pemindahan dan potongan gaji, tidak lagi realistik sebagai hukuman bagi mereka yang tidak memberi reaksi serius terhadap saranan dalam Laporan Ketua Audit Negara (KAN). Jadi, tiada perasaan takut akan hukuman dan tidak takut kepada Tuhan.

Ambrin berkata, pegawai kerajaan



Seorang pegawai awam kanan yang jujur pernah mengakui bahawa dalam kontrak kerajaan bila memesan motosikal, dapat basikal, kerajaan akhirnya membayar harga sebuah kereta.*

harus mematuhi undang-undang dan mengabaikan campur tangan politik dalam perolehan kerajaan, yang membawa risiko tinggi penipuan dan rasuah.

Ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa kebocoran boleh dihentikan jika rasuah dibarantas di semua peringkat, termasuk mengubah cara lama dalam melaksanakan sesuatu iaitu campur tangan politik dan mengutamakan kepentingan ahli perniagaan besar dalam perolehan kerajaan.

Memandangkan tipuan bidaan adalah perkara biasa, ia boleh dicegah dengan mempunyai pegawai terlatih yang dilengkapi pengesahan asas, pengalaman atau menggunakan Undang-Undang Benford.

Alat analisis data canggih boleh digunakan untuk menyemak data bagi mengenal pasti corak atau tanda amaran tipuan bida seperti kontraktor yang lalai tetapi gagal untuk masuk tender, selalu menang di kawasan tertentu, gagal menang bidaan kontrak mendapatkan kerja sub-kontraktor daripada kontraktor yang berjaya mendapatkan kontrak atau meletakkan harga tertinggi.

Ia juga tidak terhad kepada penarikan diri kontraktor yang menawar harga

terendah yang kemudian menjadi sub-kontraktor, harga tender sangat tinggi tanpa sebarang justifikasi kos logik, penerimaan tawaran lewat yang tidak wajar, tawaran sangat serupa kecuali untuk beberapa baris utama tertentu.

Selain itu, perlu diberi perhatian adalah tawaran daripada kontraktor pesaing yang menggunakan nombor teks atau emel, sampul dan tulis tangan yang sama serta keselapan berulang seperti ejaan sama dan menggunakan jenis huruf sama.

Walaupun adalah baik jika kerajaan mengukuhkan dasar kawalan dalam menggunakan teknologi seperti sistem perolehan elektronik (ePerolehan), tetapi pada akhirnya, faktor manusia yang menentukan dan membuat keputusan akhir mengenai siapa yang mendapat kontrak.

Namun, tiada gunanya mengimport polisi kawalan dalaman yang terbaik dan nilai pensian paling mahal dari Harvard atau Oxford jika pengendalinya tidak mempunyai integriti.

Jika pengendali mempunyai integriti dan nilai moral, sebuah perisian sederhana atau murah dari universiti tempatan sudah cukup untuk menangani rasuah di negara ini.

Masalah utama adalah isu integriti individu tertentu dan faktor hedonistik ganjaran lwayan yang diberikan oleh kontraktor.

Oleh itu, tingkatkan tahap integriti kepimpinan tertinggi dalam sesebuah organisasi dengan mempunyai prinsip moral yang kukuh, menunjukkan contoh yang baik dan katakan apa dijanjikan.

Pemimpin pula bukan sahaja bersih tetapi mesti dilihat bersih.

*Datuk Seri Dr Akhbar Satar ialah Profesor dan Pengerusi & Author Antrak dan Kriminologi, Universiti UKM.



Steps to end bid rigging practice

Bid rigging is a corrupt practice that involves competing parties colluding to prevent or restrict competition in a procurement process.

According to the CEO of the Malaysian Competition Commission (MyCC), ending collusion in bidding for government contracts could save the government 15%, or RM13.5bil, of its annual expenditure. MyCC is proposing legislative amendments to incentivise people to report bid rigging.

There are four basic schemes involved in bid rigging conspiracies. The first is bid suppression whereby bidders withdraw their bids so that a particular bidder can win.

The second is bid rotation where bidders take turns to win contracts.

Market division is the third scheme. In this case, bidders

agree to bid and divide markets based on product, customer, service or geographical areas.

The last is complementary bidding where bidders submit artificially high bids to ensure that a particular bidder wins.

In his keynote address at the Combating Procurement Fraud in the Public and Private Sectors Forum 2017, former auditor-general Tan Sri Amhrin Buang said public procurement was one of the government activities most vulnerable to collusion, corruption, manipulation and fraud.

He revealed that procurement fraud - from bid rigging during the pre-contract award phase to false invoicing in the post-contract award phase - could be perpetrated by those inside and outside of an organisation.

Procurement accounts for at least 40% of the government's annual budget.

According to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), 20% of complaints received between 2022 and July 2024 were on public and private procurement matters.

Investigations into public procurement increased to 66% as of July this year compared with 59% and 60% in 2023 and 2022, respectively.

Amhrin believes that punitive measures, such as fines, transfers and wage cuts, are no longer realistic to punish those who do not respond appropriately to the recommendations in the Auditor-General's Report pertaining to the existing flaws in Malaysia's public procurement system.

Bid rigging can be prevented by getting officers armed with knowledge and experience in using Benford's Law or advanced data analysis tools to scrutinise data to identify patterns or red

flags of bid rigging such as (not exhaustive):

- > Qualified bidders failing to bid;
- > Why a certain contractor always wins in a specific geographic market;
- > Losing bidders getting sub-contract work from the winning bidder;
- > Withdrawal of the lowest tenderer, who then becomes the sub-contractor;
- > Contractor's tenders at very high price for no logical cost justification;
- > Improper acceptance of late bids;
- > Bids that are very similar except for a few key lines;
- > Bids from competitors arriving from the same fax number or emails, in envelopes of the same style, or with the same handwriting; and
- > Errors replicated, such as

same spelling and using the same font.

A beneficial owner provision should be inserted in the MACC 2009 Act to identify who truly owns, enjoys and controls the company even if its legal title is owned by someone else.

While it is good that the government has strengthened the internal control policies and leveraged technologies such as e-procurement systems, in the end, it is the human factor that determines who gets the contracts.

If the handlers possess integrity and moral values, a simple software from a local university is more than enough to tackle the bid rigging process.

DATUK SERI DR. AKHBAR SATAR
 President
 Malaysian Integrity and Governance Society



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 SEPTEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Sep	Bekalan minyak masak peket di Kedah tidak terganggu	https://www.utusan.com.my/terkini/2024/09/bekalan-minyak-masak-peket-di-kedah-tidak-terganggu/	UTUSAN MALAYSIA
26-Sep	Penipuan bidaan kontrak kerajaan bukan rahsia lagi	https://www.sinarharian.com.my/article/687505/berita/nasional/penipuan-bidaan-kontrak-kerajaan-bukan-	SINAR HARIAN
26-Sep	Pendaftaran syarikat GISBH boleh dibatalkan – Armizan	https://mgperak.com/pendaftaran-syarikat-gisbh-boleh-dibatalkan-armizan/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
26-Sep	Sultan Nazrin berkenan rasmi Menara SSM Perak	https://mgperak.com/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-menara-ssm-perak/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
26-Sep	Bid-rigging in Malaysia - are you at risk?	https://www.malaysiakini.com/columns/720402#google_vign	MALAYSIA KINI
26-Sep	Premis sembunyi barang kawalan bersubsidi diserbu di Seberang Jaya	https://www.buletintv3.my/nasional/premis-semunyi-barang-kawalan-bersubsidi-diserbu-di-seberang-jaya/	BULETIN TV3
26-Sep	KPDN Pulau Pinang serbu rumah simpan pelbagai barangan kawalan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-pulau-pinang-serbu-rumah-simpan-pelbagai-barangan-kawalan	BERITA RTM
26-Sep	KPDN BONGKAR KEGIATAN SEMBUNYI BARANG KAWALAN, JUAL KEPADA WARGA ASING	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344336	BERNAMA
26-Sep	KPDN bongkar kegiatan sembunyi barang kawalan, jual kepada warga asing	https://www.sinarharian.com.my/article/687607/berita/semasa/kpdn-bongkar-kegiatan-semunyi-barang-kawalan-jual-	SINAR HARIAN

26-Sep	Padah sorok barang kawalan di premis tidak berlesen	https://malaysiagazette.com/2024/09/25/padah-sorok-barang-kawalan-di-premis-tidak-berlesen/	MALAYSIA GAZETTE
26-Sep	Peniaga simpan barang kawalan di premis tak berlesen berdepan tindakan	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/peniaga-simpan-barang-kawalan-di-premis-tak-berlesen-berdepan-tindakan/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
26-Sep	KPDN bongkar kegiatan sembunyi barang kawalan, jual kepada warga asing	https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/25/kpdn-bongkar-kegiatan-semunyi-barang-kawalan-jual-kepada-warga-asing	UTUSAN BORNEO
26-Sep	KPDN rampas telefon bimbit, aksesori tiruan	https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/kpdn-rampas-telefon-bimbit-aksesori-tiruan/	UTUSAN MALAYSIA
26-Sep	KPDN Kuala Pilah rampas telefon dan aksesori disyaki tiruan	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kuala-pilah-rampas-telefon-dan-aksesori-disyaki-tiruan/	BULETIN TV3
26-Sep	Wanita cuba seludup keluar tong gas LPG ditahan	https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/25/wanita-cuba-seludup-keluar-tong-gas-lpg-ditahan	UTUSAN BORNEO
26-Sep	Isu GISBH: 'Sukar kalau tak tahu apa yang dicari' - Zaid Ibrahim	https://www.sinarharian.com.my/article/687583/berita/isu-qisbh-sukar-kalau-tak-tahu-apa-yang-dicari---zaid-ibrahim	SINAR HARIAN
26-Sep	MPM PERKUKUH KERJASAMA DENGAN AGENSI KERAJAAN BAGI TINGKAT OPERASI PELABUHAN	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2344394	BERNAMA
26-Sep	ISU CUACA EKSTREM ANTAR AGENDA SEMINAR KESELAMATAN MAKANAN KE-11	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344446	BERNAMA
26-Sep	Tiada gangguan bekalan minyak masak - KPDN Kedah	https://www.sinarharian.com.my/article/687547/edisi/utara/tiada-gangguan-bekalan-minyak-masak---kpdn-kedah	SINAR HARIAN
26-Sep	BEKALAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI DI KEDAH MENCUKUPI	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344349	BERNAMA